

# Bantah CC: Ong . lancar rapat Umum

UM 21 DEC 2001

**K**UALA LUMPUR 20 Dis. — Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat yang digantung jawatannya oleh Jawatankuasa Pusat (CC) parti itu mulai hari ini akan mengadakan rapat umum di seluruh negara sebagai membantah kepada tindakan tersebut.

Rapat umum itu yang diadakan mulai malam ini turut disertai oleh semua pemimpin utama kumpulan B bagi menjelaskan kepada semua ahli MCA di peringkat akar umbi tentang keputusan tersebut yang dikatakan sebagai tidak adil.

Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng berkata, pihaknya bersedia melancarkan rapat umum secara besar-besaran itu bersama Ong kerana kecewa dengan keputusan yang dibuat.

Beliau mendakwa, pengantungan tersebut bercanggah sama sekali dengan perlembagaan parti, kehendak majoriti ahli serta menafikan keadilan undang-undang terhadap semua mereka yang terlibat.

"Kerana itu kami membantah dan tidak menerima keputusan yang telah dibuat itu," katanya pada sidang media sejurus selesai mesyuarat CC MCA yang dipengerusikan oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik.

Turut serta pada sidang media yang dihadiri Ong itu ialah Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek; Naib Presiden Datuk Chan Kong Choy; Naib Ketua Pemuda, Datuk Liew Yuen Keong dan beberapa CC Pemuda MCA.

Jawatankuasa Pusat (CC) MCA dalam mesyuaratnya petang ini menggantung aktiviti serta fungsi Pergerakan Pemuda tersebut untuk satu tempoh yang belum ditetapkan.

Chua menambah, pada rapat umum tersebut pihaknya akan mendengar pandangan ahli-ahli akar umbi mengenai isu itu sebelum mengambil tindakan selanjutnya.

## Penting

Ini kerana jelasnya, adalah amat penting soal tersebut dikemukakan kepada ahli dan pemimpin bawahan untuk mendapatkan maklum balas mereka berikutan pemimpin atasan dipilih oleh mereka ini.

Dalam pada itu, Chua turut mempertikaikan tindakan menggantung mesyuarat agung luar biasa (EGM) Pemuda sambil menganggapnya sebagai tindakan yang tidak wajar.

Tambahan pula menurut beliau ia seolah-olah mengenakan tindakan

disiplin terhadap kesemua 1,514 perwakilan Pemuda MCA.

Di samping itu, Chua turut mempertikaikan pelantikan Wang Choon Wing sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas yang akan mengambil alih fungsi dan aktiviti CC Pemuda MCA.

Menurutnya, kelayakan Wang dipertikaikan kerana baru hari ini beliau diterima secara rasmi sebagai ahli MCA walaupun telah mengemukakan borang permohonan pada 8 Oktober lalu.

Ditanya sama ada kumpulan tersebut akan merujuk masalah mereka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Chua berkata, pihaknya tahu apa perlu dilakukan.

"Kita akan bertindak secara rasional. Kita akan buat apa yang difikirkan betul," katanya sambil menyifatkan CC MCA itu sebagai memalukan.

Sementara itu, Ong berkata, keputusan pengantungan tersebut tidak akan melemahkan semangatnya serta pemimpin Pemuda yang lain.

Malah jelas beliau, Pemuda MCA akan tetap meneruskan semua aktiviti yang telah dirancang tetapi atas nama Pemuda Barisan Nasional (BN).

"Saya beri jaminan bahawa keputusan jawatan-

kuasa tersebut tidak akan mampu melemahkan semangat kami.

"Kami juga berjanji untuk berkempen secara aktif dan sihat dalam pilihan raya kecil kawasan Indera Kayangan nanti untuk memastikan kemenangan BN," katanya.

Ong yang mengaku kecewa dan sedih dengan pengantungan tersebut memberitahu, pihaknya akan memberi penjelasan kepada ahli Pemuda di peringkat akar umbi pada semua rapat umum nanti bagi memberi gambaran sebenar tentang apa yang berlaku.

## Bdrperanan

Ujar beliau, walaupun jawatannya sebagai Ketua Pemuda MCA masih kekal namun beliau terpaksa berperanan dalam situasi yang berbeza ekoran pergantungan tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, Ah Lek yang mengetuai kumpulan B menegaskan, pihaknya lebih suka membawa masalah itu kepada ahli-ahli kerana mereka boleh menilai apa yang sebenarnya sedang berlaku.

"Lagipun pemimpin dilantik oleh ahli dan kerana itu lebih baik perkara ini dibawa berbincang dengan mereka," katanya.